

TARIKH	6 / 8 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	35	RUANGAN	Nasional

Anugerah Kecemerlangan untuk ahli Kelab TaHa



Sebahagian ahli Kelab TaHa yang menerima Anugerah Kecemerlangan baru-baru ini.

Kelab Tabung Haji (TaHa) sekali lagi mengadakan Anugerah Cemerlang Kelab TaHa-BH 2011 sebagai penghargaan kepada pencapaian cemerlang ahlinya dalam peperiksaan utama tahun lalu yang berlangsung di Kompleks Tabung Haji, Kelana Jaya, baru-baru ini.

Seramai 100 ahli Kelab TaHa yang mendapat keputusan cemerlang dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menerima anugerah berkenaan yang disampaikan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Paduka Ismee Ismail.

Turut hadir, Pengarang Pendidikan BH, Muhd Yusuf Abu Bakar.

Bagi penerima anugerah kategori UPSR, ahli kelab menerima wang tunai RM200, PMR (RM400) dan SPM (RM500) masing-masing

dikreditkan ke akaun Tabung Haji mereka, selain trofi dan sijil.

Ismee berkata, tahun ini sebanyak 500 permohonan diterima, bagaimanapun Kelab TaHa hanya memilih 100 pelajar terbaik daripada tiga kategori yang ditawarkan.

Katanya, anugerah berkenaan diperkenalkan bertujuan menghargai pencapaian cemerlang yang ditunjukkan ahli kelab TaHa selain mendorong mereka supaya berusaha lebih gigih pada masa depan.

Sejak diperkenalkan pada 2008, Kelab TaHa kini mempunyai lebih sejuta ahli dan seramai 435 terpilih menerima anugerah berkenaan.

Penerima anugerah bagi kategori UPSR, Nur Atiqah Morsidi berkata, dia sangat seronok kerana terpilih sebagai penerima anugerah dan akan berusaha lebih gigih untuk mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan.